

# BAB SATU

## PENYATAAN KAJIAN

### **Pendahuluan.**

Secara lazimnya untuk menghasilkan atau menyiapkan sebuah tesis, keperluan kepada pengenalan yang menjelaskan aspek luaran dan dalaman tentang tesis tersebut amat penting sekali. Dalam menulis Bab Satu ini pengkaji akan menjelaskan tentang permasalahan dan rintangan yang dihadapi sepanjang menjayakan penulisan tesis ini.

Bidang seni ukiran kayu ini adalah satu bidang kesenian yang istimewa dan mempunyai identiti kemelayuan yang unik untuk diperbincangkan. Keindahan yang terdapat pada ukiran Melayu amat berkait rapat dengan jiwa dan 'world-view' orang Melayu itu sendiri.

Seni ukiran kayu ini juga merupakan salah satu dari luahan pemikiran yang cuba diutarakan oleh orang Melayu sebagai salah satu cara mereka menghargai alam dan keindahannya. Rentetan daripada kehalusan rasa seni dan keperihatinan daya pemikiran, orang Melayu menghasilkan pelbagai gaya seni ukiran sebagai lambang kepada pemikiran mereka.

## 1.1 Tujuan Kajian.

Bidang falsafah ini bukanlah satu perkara yang baru, malah banyak buku-buku yang memperkatakan tentang bidang ini telah dihasilkan. Tetapi kebanyakan buku itu hanya memperkatakan aspek falsafah dan pemikiran ini secara umum atau bersifat sebahagian, khususnya tentang konsep dan makna falsafah itu sendiri tanpa memfokuskan kepada satu topik kesenian.

Setakat pemerhatian pengkaji, didapati hanya ada beberapa orang penulis yang cuba menghubungkan bidang falsafah dengan contoh-contoh kesenian Melayu dan daripada penulisan tokoh-tokoh inilah pengkaji cuba menggerakkan kajian ini. Antara tokoh yang pengkaji maksudkan ialah Mana Sikana, Syed Ahmad Jamal, Othman Yatim dan Mohd Afandi Yahya. Lantaran itu dalam membuat kajian pada falsafah penciptaan, pengkaji telah memilih seni ukiran kayu sebagai bahan kajian dan konsep keislaman sebagai landasan penulisan kajian.

Seni merupakan saluran bagi manusia menyampaikan perasaan dan fikiran antara satu sama lain. Seni dianggap sebagai satu proses atau jambatan memindahkan pengalaman dari seorang individu kepada individu yang lain. Seperti yang diperkatakan oleh Syed Ahmad Jamal (1992:9) 'seni adalah titian di antara realiti dengan yang batin'. Seni Rupa Melayu ialah penjelmaan unsur-unsur dari alam semulajadi kepada suatu bentuk karya seni rupa. Karya Seni

dapat menjadi perantaraan yang sempurna antara manusia. Bentuk sesuatu objek seni itu sendiri, yang mempunyai unsur lain seperti idea, maklumat dan sebagainya menjadi nilai utama yang menentukan seni sesuatu karya.

Bagi seseorang individu yang tidak mampu menilai atau menghayati sesebuah hasil seni itu ia boleh dianggap sebagai seorang yang kurang sempurna. Sebenarnya konsep-konsep dan falsafah yang terkandung di dalam sesuatu hasil seni itu bukanlah suatu yang terlalu sukar untuk difahami. Kebanyakan hasil seni itu dicipta berdasarkan keadaan dan pengaruh alam sekitar.

Sebagai makhluk Tuhan (Allah S.W.T) manusia dikurniakan dengan akal fikiran. Dengan akal fikiran ini sebenarnya kita berkewajipan untuk mengenal diri dan seterusnya mengenal Pencipta kita. Allah telah berfirman di dalam Al-Quran yang bermaksud “Tidak Aku ciptakan manusia dan jin kecuali untuk mereka menyembah (mematuhi) Aku”. (51: 56)

Di sini pengkaji ingin membawa pembaca kepada suatu tahap iaitu mengenal dan memahami kesenian kita yang sebenarnya. Ini bermakna, dalam usaha untuk mengenal kesenian bangsa, semua pihak harus memahaminya berdasarkan rupa dan jiwanya. Ia bukan sahaja berdasarkan rupa bentuk tetapi juga berdasarkan makna yang tersirat di sebalik penciptaannya.

Seperkara lagi yang ingin pengkaji sentuh dalam penyelidikan ini adalah matlamat kesenian itu sendiri. Satu perkara yang jelas yang dapat pengkaji lihat dalam kesenian kita ini ialah penghasilannya adalah bertujuan bagi memenuhi satu matlamat iaitu melaksanakan apa yang diperintahkan dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah S.W.T.

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat sejauh mana matlamat yang diperkatakan ini direalisasikan dalam hasil kesenian Melayu. Untuk tujuan tersebut, pengkaji cuba melihat satu dari hasil seni Melayu iaitu seni ukiran kayu.

Di Malaysia, terdapat beberapa buah negeri yang menghasilkan seni ukiran kayu. Antara negeri yang banyak menghasilkannya adalah negeri Terengganu dan Kelantan. Walaupun telah ramai yang menulis tentang seni ukiran kayu terutamanya di Terengganu, tetapi pengkaji percaya pendekatan yang cuba dilakukan ini adalah berbeza dengan apa yang pernah ditulis oleh pengkaji-pengkaji terdahulu.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk memperlihatkan betapa erat dan padunya hubungan antara seni itu dengan sistem kepercayaan yang dianuti oleh sesebuah masyarakat itu. Di sini sebenarnya pengkaji ingin melihat sekuat manakah seni itu dipengaruhi oleh kepercayaan atau adakah seni itu sendiri yang sebenarnya cuba untuk mempengaruhi kepercayaan

bangsa Melayu. Misalnya dalam sebuah persembahan tradisi Melayu seperti Mak Yong, adakah selepas kemasukan Islam persembahan tersebut perlu mengalami perubahan dari aspek pemakaiannya atau mengekalkan keaslian pemakaiannya seperti sebelum kemasukan Islam.

Secara tidak langsung, penyelidikan ini juga cuba melihat bagaimana peranan falsafah dan simbolisme dalam kesenian ini boleh berjaya memperlihatkan kepada umum betapa tingginya mutu kesenian Melayu. Walaupun masa beredar dan terdapat perubahan yang terpaksa dilakukan tetapi nilai keindahan sesuatu hasil ukiran itu tetap terpelihara.

Kajian mengenai falsafah ini juga penting bukan hanya untuk masyarakat Islam, malah juga untuk masyarakat bukan Islam di Malaysia. Ini kerana pengkaji merasakan nilai estetika sesuatu kesenian yang diciptakan oleh manusia merupakan milik masyarakat dan ia wajar dikongsi bersama.

Dengan adanya kajian ini dan wujudnya kesedaran diharapkan kedudukan kesenian Melayu akan dapat dipelihara dan menjadi lebih mantap serta jelas peranannya. Ukiran adalah satu cara yang sesuai dalam menyampaikan perasaan dan buah fikiran serta nilai-nilai murni. Ia penting untuk melihat masyarakat Melayu seimbang kemajuannya baik dari segi jasmani mahupun rohani.

Berdasarkan kepada seni ukiran ini juga pengkajian ini cuba memperlihatkan kesinambungan warisan seni hinggalah ke hari ini. Kesinambungan ini perlu dilihat dan dikaji bagi memastikan ukiran kayu Melayu ini terus berkembang dan terpelihara.

## **1.2 Permasalahan Kajian.**

Fungsi kegunaan menjadi unsur penting dalam penghasilan karya seni. Dorongan inilah yang menyebabkan sesebuah karya seni itu dihasilkan, dinikmati dan disebarkan kepada umum. Melaluinya manusia kemudian mengembangkan seni ini lalu menjadikannya bukan sekadar sesuatu yang boleh digunakan tetapi juga sesuatu yang boleh mendatangkan manfaat, ketenangan dan keharmonian.

Melalui kesenian ini juga, mesej sesuatu hasil seni itu dibentuk. Adakah orang Melayu menciptakan mesej terlebih dahulu atau mesej itu datang kemudian menjadi persoalan. Selain itu untuk melihat apa yang terkandung di dalam hasil seni itu, tidak memadai jika kita hanya mengupasnya berdasarkan aspek luaran atau rupa sahaja. Sebenarnya, apa yang lebih penting, perlu juga dilihat pada aspek dalaman atau jiwa sesuatu hasil seni itu. Kerana, di sinilah terkandungnya segala rahsia dan falsafah kemelayuan itu.

Dalam memperkatakan aspek dalaman ini, pengkaji percaya perbezaan pendapat tidak akan dapat dielakkan, namun perbezaan ini tidaklah begitu ketara dan tidak menjadi masalah kerana dalam membincangkan falsafah ini perbezaan itu menjelaskan tingkat keilmuan yang dimiliki oleh seseorang seniman.

Selain itu, pengkaji merasakan bagi memudahkan pengkajian dan meletakkannya pada satu landasan, pengkaji telah memilih ajaran Islam sebagai landasan kajian. Ini kerana, Islam dan Melayu itu sendiri begitu sinonim. Amat sukar jika melihat perkara ini pada ruang lingkup yang lebih terbuka kerana terdapatnya perbezaan antara seni Barat (tumpuan kepada bukan Islam) dengan seni yang dihasilkan di Timur (tumpuan kepada Seni Islam).

Merujuk kepada permasalahan yang timbul daripada apa yang pengkaji teliti sendiri, terdapat sedikit persamaan perkara yang ingin disentuh dalam penyelidikan ini. Daripada apa yang dilihat, banyak hasil kajian telah dibuat oleh pengkaji terdahulu, namun masih terdapat ruang yang perlu diisi. Untuk itu, pengkaji perlu mengisi kekosongan itu dengan mengkaji perkara-perkara atau persoalan-persoalan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu.

Dalam pengkajian berbentuk falsafah ini, pengkaji merasakan ia adalah suatu cabaran, kerana bidang ini memerlukan penelitian terhadap bahan yang

ingin dikaji. Dalam menulis dan merumuskan apa yang dilihat, pengkaji tidak boleh melihat hanya pada mata kasar tetapi apa yang terpenting sekali ialah dengan melihat melalui mata hati yakni penelitian yang mendalam dan membuat rumusan berdasarkan dalil akal dan logika serta menghubungkannya dengan keadaan di sekeliling.

Secara tidak langsung, dapat juga diperkatakan di sini bahawa, kesenian yang dimiliki oleh suatu bangsa itu merupakan 'medan' atau modul bagi memperlihatkan kepada kita bahawa ajaran keagamaan yang ada mampu membuatkan sesuatu bangsa itu dipandang tinggi.

Justeru itu, untuk memudahkan pemahaman dan mengelakkan masyarakat dari permasalahan ini, perlulah memahami dan mengenali terlebih dahulu apa yang dikatakan kesenian, kemelayuan dan keislaman itu sendiri. Jadi untuk memahaminya, kita perlu mengenali sifat-sifat Allah S.W.T, kesemuanya ini akan menggambarkan bahawa segala tingkat kejadiannya, adalah penyatuan dari sifat-sifat Allah S.W.T.

### **1.3 Kaedah Kajian.**

Berkenaan dengan kaedah kajian ini, pengkaji telah menggunakan beberapa pendekatan yang dirasakan amat bersesuaian. Pertamanya, pengkaji melakukan kajian lapangan iaitu melihat sendiri contoh-contoh seni ukir yang



telah dihasilkan. Ini dilakukan dengan meninjau muzium-muzium seperti Muzium Seni Asia Universiti Malaya, Muzium Negara, Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur, Muzium Kelantan dan Muzium Negeri Terengganu.

Pemerhatian secara langsung ini bertujuan untuk melihat sesuatu hasil seni ukir itu dengan lebih jelas dan ia merupakan langkah pengenalan pengkaji terhadap seni ukir itu sendiri.

Selain daripada itu, pengkaji juga menemubual para pengukir, pendidik, kurator, pelajar dan peminat seni ukir itu sendiri. Dengan itu, pengkaji boleh melihat sejauhmana mereka memahami kesenian itu sebenarnya. Bagi kaedah ini, pengkaji menggunakan buku catatan, kamera dan rakaman kaset sebagai cara mengambil segala data dan maklumat.

Dalam usaha mengukuhkan lagi penulisan ini, pengkaji banyak membuat rujukan terhadap penulisan terdahulu yang mempunyai kaitan dengan penyelidikan ini. Untuk itu, pengkaji banyak menggunakan kaedah perpustakaan dalam mengumpulkan banyak maklumat terutamanya pada bahagian-bahagian asas pengkajian. Dari sini, pengkaji cuba mengisi kekurangan dan memperbaiki kelemahan yang terdapat pada pengkajian yang terdahulu.

Pengkaji telah mengunjungi beberapa buah perpustakaan dalam proses menyiapkan kajian ini antaranya Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Peringatan Za'Ba Universiti Malaya, Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan Perpustakaan Muzium Negeri Terengganu.

Bagi mengukuhkan penulisan ini, pengkaji juga banyak mengambil gambar karya-karya seni ukiran kayu. Ini adalah sebagai langkah memudahkan penyelidikan dan perbincangan. Selain itu, ia juga boleh dianggap sebagai satu bukti penyelidikan. Melaluinya, segala keterangan dan maklumat lebih jelas dan dapat memudahkan pemahaman.

Akhirnya, selepas mengumpul segala data, analisis data akan dilakukan dengan melihat secara mendalam serta menyentuh tujuan-tujuan yang mendorong pengkajian seperti yang telah dinyatakan tadi.

#### **1.4 Pendekatan Kajian.**

Di dalam menyediakan tesis ini, pengkaji berpegang kepada pendekatan yang diutarakan oleh Syed Ahmad Jamal di dalam bukunya *Rupa dan Jiwa* berkaitan dengan seni rupa Melayu. Menurut beliau konsep Seni Rupa Melayu lahir daripada kesedaran terhadap intisari sesuatu hasil ciptaan iaitu melalui bentuk tampaknya kepada dimensi yang terjalin pada

rupa ciptaan itu. Ini menjadi titian di antara realiti yang zahir dan batin serta berperanan sebagai perantara jiwa pencipta dan penghayat.(Syed Ahmad Jamal, 1992 : xv)

Menurut beliau lagi, hasil ciptaan itu kaya dengan unsur-unsur budaya dan ini jelas tercermin melalui bentuk, gaya, sifat, gerak, garis, warna dan coraknya. Daripada pengamatan penciptaannya terjemalah karya-karya itu dari alam semula jadi ke alam seni. Dalam hal ini seniman melalui pemerhatiannya terhadap objek tersebut mendapat idea lalu melahirkan tujuan atau maksud sebenar mencipta, mengikut peraturan, fikiran, dan alam semula jadi.

Di dalam seni rupa Melayu mengandungi sifat-sifat yang tersendiri sebagai sifat kemelayuan dengan tujuan mewujudkan kesedaran tentang rupa bentuk pernyataan yang membayangkan jiwa budaya yang menghasilkannya.

Bertitik-tolak daripada pendekatan ini pengkaji akan cuba mengupas segala maklumat yang diperolehi dan cuba menjawab persoalan kajian iaitu pertamanya, pengkaji ingin melihat adakah pemberian makna atau falsafah yang terkandung di dalam hasil kesenian itu adalah sesuatu yang memang diciptakan oleh orang Melayu itu sendiri. Maksudnya, pemikiran tersebut

memang ada di dalam pemikiran masyarakat Melayu dan kemudiannya disampaikan melalui hasil kesenian ciptaan mereka.

Keduanya pula, pengkaji ingin melihat adakah makna dan pemikiran tersebut hanya dijelmakan selepas sesuatu hasil kesenian itu siap. Ia bermaksud sesuatu makna yang terkandung itu sengaja direka-reka untuk menambahkan lagi ketinggian pemikiran orang Melayu itu sendiri. Kecantikan atau sifat sesuatu hasil kesenian itu adalah memang satu perkara yang didapati dari alam itu sendiri.

Setelah mengenal pasti kaedah tersebut pengkaji akan membuat kajian bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dan kemudiannya barulah pengkaji akan membuat analisis berkaitan data-data tersebut. Analisis yang akan dilakukan bergerak dengan memerlukan beberapa kaedah pendekatan seni atau 'pendekatan estetika'. Pendekatan ini akan diperbincangkan dengan lebih lanjut di dalam Bab Empat.

### **1.5 Kajian Terdahulu.**

Berdasarkan kepada pemerhatian setakat ini, didapati hanya ada beberapa penulis yang cuba mengaitkan contoh-contoh kesenian Melayu ini dengan falsafah atau pemikiran penghasil atau pencipta seni tersebut.

memang ada di dalam pemikiran masyarakat Melayu dan kemudiannya disampaikan melalui hasil kesenian ciptaan mereka.

Keduanya pula, pengkaji ingin melihat adakah makna dan pemikiran tersebut hanya dijelmakan selepas sesuatu hasil kesenian itu siap. Ia bermaksud sesuatu makna yang terkandung itu sengaja direka-reka untuk menambahkan lagi ketinggian pemikiran orang Melayu itu sendiri. Kecantikan atau sifat sesuatu hasil kesenian itu adalah memang satu perkara yang didapati dari alam itu sendiri.

Setelah mengenal pasti kaedah tersebut pengkaji akan membuat kajian bagi mendapatkan data-data yang diperlukan dan kemudiannya barulah pengkaji akan membuat analisis berkaitan data-data tersebut. Analisis yang akan dilakukan bergerak dengan memerlukan beberapa kaedah pendekatan seni atau 'pendekatan estetika'. Pendekatan ini akan diperbincangkan dengan lebih lanjut di dalam Bab Empat.

### **1.5 Kajian Terdahulu.**

Berdasarkan kepada pemerhatian setakat ini, didapati hanya ada beberapa penulis yang cuba mengaitkan contoh-contoh kesenian Melayu ini dengan falsafah atau pemikiran penghasil atau pencipta seni tersebut.

Di antara buku-buku yang pernah dihasilkan adalah seperti buku bertajuk *Rupa dan Jiwa* yang dikarang oleh Syed Ahmad Jamal, tetapi di dalam buku ini Syed Ahmad Jamal menyentuh secara umum hampir kesemua hasil seni rupa Melayu, namun penerangan beliau di dalam buku ini berkaitan ukiran hanya secara ringkas dan bersifat di 'permukaan' sahaja.

Selain itu, terdapat juga penulis lain seperti Mohammad Affandi Yahya yang menulis tentang bidang falsafah ini iaitu melalui buku beliau bertajuk *Symbolisme Dalam Seni Bina Rumah Melayu Kelantan*. Membaca buku ini sepintas lalu, membuatkan pengkaji merasakan amat berminat untuk meneruskan penyelidikan. Dengan itu, pengkaji merasakan perlu adanya satu penulisan yang menumpukan kepada aspek seni ukiran kayu ini secara lebih mendalam lagi.

Di samping apa yang telah dinyatakan, pengkaji juga menggunakan sumber rujukan lain dalam membantu penulisan ini, hasil penulisan tesis oleh Saudara Karsam dari Indonesia yang menulis tentang *Seni Ukiran Japara Indonesia: Kajian mengenai ciri dan motif* banyak membantu. Kajian yang dilakukan oleh beliau adalah terhadap seni ukiran Indonesia dan aspek pengkajian beliau juga berdasarkan kebudayaan Indonesia. Beliau juga banyak memperkatakan tentang ciri dan teknik-teknik ukiran namun kurang menyentuh falsafah penciptaannya.

Selain itu buku berjudul *Mengukir Kegemilangan Lalu: Biografi Wan Su Othman* karya Othman Yatim turut menjadi rujukan utama pengkaji. Pengkaji juga turut menggunakan beberapa buku lain dari penulis yang sama untuk dijadikan panduan antaranya ialah *Islamic Arts dan Warisan Kesenian Dalam Tamadun Islam*.

Pengkaji juga menjadikan buku yang bertajuk *Spesies-Spesies Kayu dalam Seni Ukiran Kayu Melayu* tulisan Ismail Said dan Ahmad Saifuddin Abdullah sebagai rujukan penting. Buku ini menerangkan penjenisan kayu tropika yang dijadikan bahan seni ukiran Melayu di Semenanjung Malaysia.

Di samping itu pengkaji juga menjadikan buku karya Manja Mohd Ludin dan Ahmad Suhaimi Hj. Mohd Nor iaitu *Aspek-Aspek Kesenian Islam* sebagai panduan. Buku ini menampilkan kesenian Islam yang telah melalui pelbagai zaman dalam mencapai kegemilangannya.

Bahan-bahan bacaan lain yang dirujuk untuk menghasilkan kajian ini antara lainnya adalah *Nilai Keindaham Dalam Seni Kraftangan Melayu*, karangan Allahyarhamah Ku Zam Zam Ku Idris yang diterbitkan dalam Dewan Budaya pada Jun 1984 dan *Ukiran Dalam Pertukangan Melayu*, karangan Zainul Abdullah dalam majalah yang sama pada bulan Mac 1981.

Berdasarkan beberapa bahan rujukan yang telah diteliti, pengkaji merasakan perlu menampilkan satu bentuk atau hasil yang memperkatakan tentang seni ukiran Melayu Malaysia dan tumpuan utamanya adalah dengan melihat hasil ukiran di Terengganu dan Kelantan. Namun, seperti yang dinyatakan, pengkaji juga telah merujuk kepada seni ukiran kayu dari negeri lain di Malaysia sebagai penambahan maklumat. Antara negeri tersebut adalah Negeri Sembilan.

#### **1.6 Sumbangan Kajian.**

Daripada kajian terdahulu yang pengkaji telah nyatakan ia menunjukkan bahawa setakat ini belum ada penulisan yang berkaitan dengan pengkajian yang telah dijalankan oleh pengkaji. Oleh itu, diharapkan dengan adanya pengkajian ini, pengkaji dapat menyumbangkan sesuatu yang bermakna atau bermanfaat kepada dunia kesenian ini.

Objektif utama kajian ini adalah untuk memartabatkan seni ukiran Melayu yang semakin luput ditelan zaman dalam arus kemodenan dunia yang tidak mengendahkan tentang betapa berharganya warisan ini. Segala falsafah dan 'kekayaan' yang terkandung di dalam seni ukiran ini perlu diketahui oleh semua golongan atau penggiat seni.



Dengan adanya kajian ini, diharapkan kedudukan kesenian ini akan terpelihara, menjadi lebih mantap dan jelas peranannya kepada masyarakat. Secara tidak langsung, pengkajian ini juga diharapkan akan dapat menyeimbangkan kemajuan masyarakat baik dari segi rohani dan jasmani.

Ini kerana tanpa pengkajian yang mendalam terhadap rupa dan jiwa dalam kesenian kita, adalah ditakuti masyarakat kita pada suatu hari nanti tidak akan dapat mengetahui nilai sebenar sesuatu hasil seni tradisi. Kita mungkin akan beranggapan bahawa sesuatu hasil seni itu hanyalah sekadar perhiasan atau yang dikatakan sekadar 'seni untuk seni'.

Sebenarnya kesenian kita bukan sekadar dikatakan lebih baik dari itu, malah jauh lebih baik, ini kerana kesenian kita bukan sekadar 'seni untuk seni' tetapi adalah 'seni untuk masyarakat'. Kesenian Melayu juga boleh mencapai tahap 'seni untuk Tuhan' atau lebih jelas dalam masyarakat Melayu, segala perlakuan atau perbuatan mereka adalah kerana Allah S.W.T. dan perkara inilah yang akan diperbincangkan dan diperjelaskan dalam kajian ini.

Di samping itu, pengkaji juga berharap dengan adanya kajian ini, dapatlah diperlihatkan kepada semua tentang betapa rapatnya hubungan manusia dengan alam sekelilingnya sehingga terhasil kesenian yang bersifat demikian. Manusia yang mencipta sesuatu hasil itu telah menggunakan alam

sebagai guru mereka seperti yang terdapat di dalam perbilangan Melayu yang berbunyi seperti berikut :

*Panakik pisau diraut,  
Ambil galah batang lintabung,  
Seludang jadikan nyiru,  
Setitik jadikan lautan,  
Sekepal jadikan gunung,  
Alam terkembang jadikan guru.*

Bagi pengkaji atau peminat seni, diharapkan melalui penulisan ini pengkaji akan dapat memberikan sumbangan kepada mereka. Diharapkan, banyak perkara yang dapat diisikan di dalam penulisan ini. Seterusnya, semoga pengkajian ini dapat menambah, memperbaiki dan mendalami lagi pengkajian-pengkajian yang sebelumnya, dan juga boleh menjadi panduan untuk pengkajian pada masa-masa akan datang.

### **1.7 Tokoh dan Lokasi.**

Untuk kajian ini pengkaji telah memilih tiga orang tokoh pengukir di atas beberapa faktor. Antara faktor terpenting adalah kerana mereka ini terdiri daripada pengukir yang terkenal di negara ini. Mereka juga didapati mempunyai cara dan pemikiran yang tersendiri dalam menceburi bidang seni ukiran kayu.

Selain itu faktor latar belakang mereka seperti tahun kelahiran juga diambil kira. Ini kerana pengkaji ingin melihat perbezaan umur yang terdapat di kalangan mereka akan memberi perbezaan terhadap perancangan, pengalaman dan pemikiran mereka. Selain itu ia juga cuba melihat sejauh mana kematangan seseorang itu dalam mempegaruhi hasil karyanya. Dengan ini juga pengkaji dapat membawa pembaca kepada sesuatu yang lebih terbuka dan luas.

Pengkaji juga merasakan bahawa pemilihan terhadap tokoh-tokoh ini ada kelebihan ia adalah kerana ketiga-tiga tokoh ( Wan Su Othman, Abdul Latif Long dan Norhaiza Noordin) ini adalah pengukir yang dipilih dan diberi kontrak untuk menyediakan ukiran Istana Melawati kepunyaan Sultan Selangor di Putra Jaya. Tetapi atas faktor usia dan kesihatan Wan Su Othman segala usaha dan ilmu beliau ini akan diteruskan oleh anaknya iaitu Wan Mustapha.

Bagi pemilihan lokasi pula, sebenarnya ia adalah secara tidak langsung. Ini kerana pengkaji memilih tokoh terlebih dahulu dan apabila mengkaji tokoh tersebut bermakna pengkaji turut melihat dan mengambil kira tempat tinggal mereka.

Oleh kerana Terengganu dan Kelantan adalah merupakan tempat yang mempunyai banyak warisan seni Melayu pengkaji merasakan bahawa pemilihan ini adalah besesuaian dan memudahkan lagi tugas pengkaji.

Pengkaji tidak menolak dan menafikan bahawa tempat-tempat lain seperti di Pantai Barat juga turut mempunyai warisan seni ukiran kayu ini tetapi diharapkan pada lain kesempatan tempat-tempat ini akan dikaji dengan lebih mendalam oleh pengkaji sendiri atau pengkaji lain.

### **1.8 Batasan-Batasan kajian.**

Dalam membuat sebarang penyelidikan kita tidak dapat mengelak daripada menempuhi pelbagai rintangan dan keterbatasan. Namun begitu ia sedikitpun tidak mematahkan semangat pengkaji untuk meneruskan kajian ini.

Di dalam menyiapkan penyelidikan ini pengkaji percaya adalah sesuatu yang sukar untuk menulisnya secara sempurna atau lengkap, oleh itu ruang lingkup kajian, batasan-batasan dan rintangan yang ditempuhi ini perlulah diambil kira.

- i. Kurangnya bahan untuk rujukan terutama yang melibatkan seni ukiran kayu.
- ii. Jarak tempat penyelidikan dengan pengkaji yang agak jauh.
- iii. Sumber kewangan yang terhad membataskan kajian.
- iv. Sesetengah informan agak kurang memberikan kerjasama.

### **1.9 Latar Belakang kajian.**

Sebagaimana yang kita ketahui, Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan hasil keseniannya. Dari Sabah hinggalah ke Perlis tidak hairanlah Malaysia dapat melahirkan dan memiliki pelbagai hasil seni sama ada Seni Rupa Melayu mahupun Seni Persembahan Melayu.

Hampir kesemua negeri di Malaysia mempunyai hasil seninya yang melambangkan identiti negerinya. Seni rupa misalnya meliputi seni ukiran, anyaman, tekstil, tembikar dan kesemuanya mempunyai nilai-nilai tersendiri. Persamaan atau perbezaan yang terdapat pada hasil seni ini merupakan kesan daripada pengaruh negara jiran yang berhampiran misalnya ukiran di Negeri Sembilan banyak dipengaruhi oleh Indonesia terutamanya dari Minangkabau. (Abdul Halim Nasir. 1986: 63)

Oleh itu, dalam membuat kajian ini pengkaji cuba melihat Terengganu dan Kelantan sebagai rujukan utama tetapi pengkaji tidak pula mengabaikan negeri-negeri lain. Ini penting kerana ruang lingkup pengkajian adalah seni ukiran kayu Melayu bukannya seni ukiran kayu Terengganu.

Mengkaji perkembangan seni ukiran di Malaysia umumnya perlu mengaitkannya dengan motif klasik hinggalah kepada motif terkini. Terdapat perbezaan mahupun dari segi bentuk hinggalah kepada fungsinya. Ini tidak dapat dielakkan kerana ia adalah hasil daripada pemikiran pencipta karya itu sendiri. Perubahan yang berlaku seharusnya mencerminkan perkembangan tamadun sesuatu bangsa itu dengan sendirinya.

Tetapi pada masa ini perkembangan seni ukiran kayu amat terbatas. Ini kerana tidak ramai lagi yang berminat menceburi bidang ini. Itulah yang menyukarkan pengkaji untuk membuat rujukan. Terdapat beberapa faktor yang menyekat perkembangan seni ukir ini pada masa kini, antaranya seni ini tidak dapat diwarisi kerana kurangnya minat dari anak-anak muda dan juga permintaan untuk seni ukiran kayu ini berkurangan berbanding pada masa dahulu.

Diharapkan dengan penyelidikan ini ia dapat menyumbang ke arah perkembangan seni ukiran kayu. Semoga generasi akan datang bukan sahaja

dapat melihat hasil seni ukiran kayu ini malah mereka dapat memahami dan menghayati apa yang tersurat dan tersirat.

#### **1. 10 Sistematik Penulisan.**

Bagi menghasilkan sebuah tesis yang lengkap, pengkaji akan memperincikan kajian ini kepada lima bab utama yang didahului dengan Bab Satu sebagai pengenalan dan diakhiri dengan Bab Lima sebagai kesimpulan dan harapan.

##### **Bab Satu :**

Pengkaji memulakan dengan sedikit pengenalan, menjelaskan tentang tujuan kajian, pendekatan kajian, permasalahan, batasan, kajian terdahulu, metodologi dan objektif kajian.

##### **Bab Dua :**

Di dalam bab ini pengkaji cuba menghuraikan tentang falsafah secara umum bermula dari pengenalan, tokoh hinggalah kepada pekembangannya. Di dalam bab ini pengkaji juga menulis tentang sejarah ukiran dan perkembangan dan seterusnya menyentuh tentang pengaruh kedatangan Hindu-Buddha dan juga kedatangan pengaruh Islam ke alam Melayu.

Di sini kita akan melihat kesan dari pengaruh ini terhadap pemikiran pengukir yang dikaji. Tegasnya adakah terdapat perbezaan pemikiran di kalangan tokoh tersebut.

### **Bab Tiga:**

Dalam Bab Tiga pengkaji cuba menyampaikan segala maklumat yang diperolehi daripada kajian yang dibuat. Kajian ini dilakukan dengan membuat wawancara bersama tiga orang tokoh pengukir yang dipilih, tokoh tersebut ialah Wan Su Othman, Encik Latif Long dan Norhaiza Noordin.

Ketiga-tiga tokoh ini dipilih berdasarkan perbezaan umur dan keistimewaan yang mereka miliki. Segala yang dinyatakan oleh mereka seperti pemikiran dan falsafah cuba diuraikan dan diolah oleh pengkaji sebaik mungkin.

### **Bab Empat:**

Seterusnya dalam bab ini pengkaji cuba menganalisis pemikiran yang didapati dari kajian ini seterusnya cuba membuat perbandingan di antara tokoh dan di sinilah kita akan melihat kebaikan dan kekurangan yang ada pada pemikiran tokoh-tokoh ini.



Secara tidak langsung kita akan melihat kesan yang boleh didapati daripada pengaruh agama kepada para pengukir ini. Ini penting untuk kita melihat di mana landasan ukiran kayu kita yang sebenarnya.

#### **Bab Lima:**

Pada bahagian akhir ini pengkaji akan membuat rumusan dan kesimpulan yang didapati dalam kajian ini. Dalam bab yang sama ini pengkaji juga cuba menyatakan harapan dan cadangan yang boleh difikirkan bersama bagi memperkembangkan seni ukiran kayu ini.

Sebagai rumusannya di sini, walaupun penulisan terdahulu menjelaskan secara terperinci tentang seni ukiran kayu ini namun ia tidak benar-benar menjurus kepada topik kajian sebagaimana yang diingini oleh pengkaji. Namun tidak dinafikan bahawa maklumat dari pengkaji terdahulu banyak membantu dalam menghasilkan kajian ini.